

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HSC 332 Pembaharuan dan Revolusi di China Moden

Masa: [3 jam]

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) SOALAN DI
DALAM DUA (2) HALAMAN.**

Jawab EMPAT (4) soalan.

1. Dengan merujuk terutamanya kepada perjanjian-perjanjian dengan kuasa-kuasa asing dan langkah-langkah yang telah dijalankan China, bincangkan sejauh manakah China telah mengubah sikap dan pendiriannya terhadap kuasa dan gejala asing sehingga akhir 1970-an.
2. "Punca utama kemusnahan Ch'ing ialah dasar diskriminasinya terhadap orang-orang Han". Nilaikan pandangan ini.
3. Buat suatu cerakinan bandingan dari segi matlamat dan sebab musabab di antara kebangkitan Taiping, Nien dan Muslim di China pada abad ke-19.
4. "Revolusi 1911 tidaklah sepenting yang sering digambarkan. Ia hanyalah suatu perkembangan kecil dibandingkan dengan kemenangan komunis pada 1949". Nilaikan pernyataan ini.
5. Bincangkan persamaan dan kelainan di antara Revolusi Budaya 1960-an dengan revolusi budaya semasa Pergerakan Empat Mei.
6. Sejauh manakah "Melompat Jauh Ke Hadapan" pada 1950-an berbeza daripada Gerakan Memperkuatkan Diri 1860-an - 1890-an?

7. "Rusia dan Jepun adalah dua 'sahabat' yang sering membawa musibat kepada China pada abad ke-19 dan 20". Bincangkan dengan merujuk kepada salah satu daripada dua kuasa tersebut.

8. "Cita-cita untuk mewujudkan sebuah negara yang berlandaskan demokrasi telah diperjuangkan sebahagian kalangan cendekiawan China sejak abad ke-19 lagi. Namun demikian, cita-cita itu terus tinggal sebagai impian yang tidak pernah terlaksana". Bincangkan.

--ooo000ooo--